

31/01/1999

Artis jayakan Le Tour De Langkawi

KUMPULAN Indigo, Dance Machine, Elite dan Juliana Banos akan membuat persembahan istimewa bersempena kejohanan lumba basikal bertaraf antarabangsa, Le Tour De Langkawi 1999 (LTDL '99).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan kejohanan LTDL '99 di Langkawi, Kedah pada 2 Februari ini.

Jurucakap artis itu, berkata mereka akan membuat persembahan di lima bandar yang menjadi laluan utama peserta LTDL '99 seperti Ipoh, Perak; Port Dickson, Negeri Sembilan; Johor Bahru, Johor; Kuantan, Pahang dan Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

"Konsert LTDL '99 akan berlangsung di Padang Majlis Bandar Raya Ipoh (MBI) pada 5 Februari; Tapak Pesta Teluk Kemang, Port Dickson (7 Februari); Dataran Bandar Raya Johor Bahru (8 Februari) dan Pahang Majlis Perbandaran Kuantan II (MPK II) (9 Februari).

"Setiap siri konsert akan bermula jam 8.30 malam. Konsert kemuncak akan diadakan di Dataran Merdeka pada 14 Februari, di mana Siti Nurhaliza dan Anuar Zain kemungkinan besar terbabit sama.

"Setiap artis akan mempersembahkan empat lagu secara live dengan menggunakan konsep minus one," katanya ketika menghubungi Bintang Popular.

Indigo akan membawakan lagu Andai Kau Pergi, Istimewa, Percaya Asmara dan Wahai Dunia, di mana sebahagian besarnya adalah petikan daripada album terbaru mereka.

Elite akan membawakan lagu GIG, Tampan Wanita, Lihat Dunia dan Sesuatu Dalam Dirimu, manakala Dance Machine akan mempersembahkan lagu terbaru mereka yang menggunakan dialek Mandarin.

Juliana pula akan mempersembahkan lagu terbarunya Baby Baby Baby, Malam Terakhir dan Yang Mana Satu.

"Semua artis akan mempersembahkan lagu tema LTDL '99 berjudul Fiesta. Lagu itu turut dimuatkan album single khas, Fiesta yang mula dipasarkan awal bulan ini.

"Selain itu, sebuah klip video turut dihasilkan bagi mempromosikan sepenuhnya kejohanan LTDL '99," katanya.

(END)